

Oleh Suliati Asri  
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**S**eramai 484 graduan Beauty Pro Academy dan Asia Edu Consultant di bawah TVET Institution Group menerima Diploma dan Sijil Kemahiran Malaysia di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) masing-masing pada Majlis Konvoesyen TVET 2023, baru-baru ini.

Graduan terdiri pelbagai tahap dan bidang kemahiran hasil daripada pelaksanaan Program Latihan Kemahiran SKIM Pembiayaan PERKASA TVET oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) di TVET Institution Group di bawah bantuan Geran Kementerian Sumber Manusia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mustapha Sakmud menzahirkan perasaan bangga kerana graduan dirai bukan saja golongan muda tetapi juga mereka yang sudah berpengalaman terutama dalam bidang terapi kecantikan.

Lebih membanggakan, graduan ini adalah ahli perniagaan dan golongan berpengalaman dalam bidang masing-masing yang mengikuti program TVET untuk menambahkan kemahiran sekali gus kemahiran sedia ada dapat dipersijikan.

Menurutnya, bagi mencapai sasaran melahirkan 35 ribu tenaga mahir pada 2030, kerajaan akan pelbagai dalam pendidikan dan Pendidikan Vokasi (TVET) termasuknya merkenalkan modul pelajaran jangka panjang mana yang TVET Institu-

# Raikan 484 graduan TVET

Penerima sijil hasil Program Latihan Kemahiran SKIM Pembiayaan PERKASA TVET



SEBAHAGIAN graduan menunjukkan sijil tamat latihan yang diterima ketika Majlis Konvoesyen TVET 2023.

tion Group.

“Seperti yang semua sedia maklum, kerajaan menerusi pihak berkuasa tempatan (PBT) menetapkan bahawa premis perniagaan membabitkan terapi kecantikan, perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pekerja ada sijil kemahiran Malaysia.

Langkah itu diambil bagi memastikan premis perniagaan atau ahli perniagaan membabitkan bidang terapi kecantikan ini mempunyai kemahiran dan diketahui dengan sijil sekali gus membawa kemahiran atau TVET ini ke tahap yang lebih baik.

“Ini penting kerana sebagai negara maju, ramai pelabur akan datang ke negara ini dan mahu melihat

tenaga mahir kita mesti berkualiti seperti mana dalam standard buruh antarabangsa,” katanya ketika ditemui pada sidang media pada majlis berkenaan.

Turut hadir Pengurus TVET Institution Sdn Bhd Tan Chin Chong dan Pengarah Beauty Pro Academy Dr Rebecca Loo.

Mustapha berkata inisiatif dilaksanakan itu juga secara tidak langsung dapat galakkan pemilik premis serta masyarakat terus mengambil kursus pendek yang bukan hanya dapat mengasah kemahiran tetapi kemahiran mereka dipersijikan.

“Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada JPK dan TVET Institution Group atas bimbingan ke-

pada Beauty Pro Academy dan Asia Edu Consultant dalam Program Latihan Kemahiran SKIM Pembiayaan PERKASA TVET sekali gus berjaya membantu graduan-graduan yang diraihan pada hari ini,” katanya.

Setakat 30 November 2023, seramai 3,600 perantis daripada industri di BEAUTY PRO ACADEMY dan Asia Edu Consultant berjaya didaftarkan di bawah bantuan Kementerian Sumber Manusia yang membabitkan lapan bidang dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kemahiran (NOSS) iaitu Perkhidmatan Kecantikan, Perkhidmatan Terapi Kecantikan, Urut Terapi, Terapi Bekam Angin, Pendidikan Praseko-

lah, Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Penjagaan dan Kemajuan Kanak-kanak dan Pendidikan Khas Kanak-kanak.

Sementara itu, Dr Rebecca berkata daripada jumlah keseluruhan graduan terbabit, 95.6 peratus mereka sudah bekerja dan sebahagian menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, peratusan itu jelas menunjukkan bahawa TVET harus dijadikan keutamaan dan geran KSM bagi graduan atau pekerja profesional ini bukan saja membantu malah dapat mengasah kemahiran praktikal dan teknikal yang relevan dengan pasaran kerja.

“TVET Institution Group



Sebagai negara maju, ramai pelabur akan datang ke negara ini dan mahu melihat tenaga mahir kita mesti berkualiti seperti mana dalam standard buruh antarabangsa”

Mustapha

kini sedang giat menjalankan program TVET bagi mempersiapkan graduan dengan ilmu bagi mewujudkan cabaran masa depan yang dilihat bakal menjadi lebih kompetitif.

Justeru, menerusi kerjasama ini kami dapat membantu calon yang mungkin tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian dalam mempertingkatkan kemahiran mereka terutama dalam bidang yang ditawarkan Beauty Pro Academy iaitu terapi kecantikan, kesihatan dan perkhidmatan penjagaan diri alternatif dan terapi bekam,” katanya.

4/12/23 TARikh:  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: II